



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**KOMUNIKASI KEPIMPINAN DALAM PENDIDIKAN:
IMPLIKASI DAN CABARAN**

*LEADERSHIP COMMUNICATION IN EDUCATION: IMPLICATIONS AND
CHALLENGES*

Muhamad Zahir Abu Bakar^{1*}, Rosnah Ishak², Mahaliza Mansor³, Kamarulshahrizat Muhamad Razali⁴, Abg Mohd Shukri Abg Muis⁵

- ¹ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mzahirukm@gmail.com
- ² Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: rosnah.ishak@fpe.upsi.edu.my
- ³ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mahaliza@fpe.upsi.edu.my
- ⁴ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mzahirukm@gmail.com
- ⁵ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mzahirukm@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.10.2024
Revised date: 10.11.2024
Accepted date: 12.12.2024
Published date: 22.12.2024

To cite this document:

To cite this document:

Abu Bakar, M. Z., Ishak, R., Mansor, M., Razali, K. M., & Muis, A. M. S. A. (2024). Komunikasi Kepimpinan Dalam Pendidikan: Implikasi Dan Cabaran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 502-512.

Abstrak:

Komunikasi yang berkesan adalah asas kepada kepimpinan pendidikan yang berjaya. Dengan memahami dan mengaplikasikan strategi komunikasi yang betul, pemimpin pendidikan dapat melakukan perubahan positif dan mencapai kecemerlangan dalam institusi pendidikan mereka. Kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis peranan komunikasi dalam kepimpinan pendidikan serta mengenal pasti strategi berkesan dan cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam menyampaikan visi, misi dan nilai-nilai kepada semua pihak berkepentingan. Melalui kerangka teori kepimpinan lestari, komunikasi interpersonal, dan komunikasi organisasi, artikel ini meneliti bagaimana komunikasi yang berkesan boleh mempengaruhi iklim sekolah, motivasi dan prestasi pelajar serta pengurusan perubahan dalam institusi pendidikan. Selain itu, kertas konsep ini juga membincangkan strategi komunikasi berkesan seperti penggunaan komunikasi verbal dan non-verbal, pendekatan komunikasi dua hala dan kepentingan mendengar secara aktif. Cabaran yang dibincangkan termasuk halangan budaya dan bahasa, kekangan teknologi serta rintangan

DOI: 10.35631/IJLGC.938033

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



psikologi dan emosi. Artikel ini merumuskan bahawa komunikasi yang berkesan adalah elemen penting dalam kepimpinan pendidikan yang berjaya dan memberikan cadangan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pemimpin pendidikan.

Kata Kunci:

Cabaran, Implikasi, Pendidikan, Komunikasi Kepimpinan

Abstract:

Effective communication is the foundation of successful educational leadership. By understanding and applying the right communication strategies, educational leaders can make positive changes and achieve excellence in their educational institutions. This concept paper aims to analyse the role of communication in educational leadership as well as identify effective strategies and challenges faced by educational leaders in communicating vision, mission and values to all stakeholders. Through the theoretical framework of sustainable leadership, interpersonal communication, and organizational communication, this article examines how effective communication can affect school climate, student motivation and performance as well as change management in educational institutions. In addition, this concept paper also discusses effective communication strategies such as the use of verbal and non-verbal communication, a two-way communication approach and the importance of active listening. Challenges discussed include cultural and language barriers, technological constraints as well as psychological and emotional barriers. This article summarizes that effective communication is an important element in successful educational leadership and provides suggestions for improving the communication skills of educational leaders.

Keywords:

Challenges, Implications, Education, Leadership Communication

Pengenalan

Dalam era pendidikan yang semakin kompleks dan dinamik pada masa kini, cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan menjadi semakin ketara. Kepimpinan yang berkesan memerlukan bukan sahaja keupayaan untuk mengurus dan mentadbir tetapi juga kebolehan untuk mempengaruhi, memberi inspirasi dan membimbing guru, pelajar serta komuniti pendidikan ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan (Kesumawati, 2020). Salah satu elemen kritikal dalam kepimpinan pendidikan ialah komunikasi. Komunikasi yang berkesan membolehkan pemimpin menyampaikan visi, misi, dan nilai-nilai organisasi dengan jelas seterusnya memupuk hubungan positif serta memastikan semua pihak merasa dihargai (Kasprzhak, Kobtseva, & Tsatrian, 2022). Komunikasi juga memainkan peranan penting dalam pengurusan perubahan, penyelesaian konflik, dan pengukuhan budaya sekolah yang positif (Qusayla, Yan Piaw, & Sumintono, 2021). Walau bagaimanapun, ramai pemimpin pendidikan menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan komunikasi yang berkesan.

Cabaran utama dalam komunikasi kepimpinan pendidikan termasuk halangan budaya dan bahasa, kekangan teknologi, serta rintangan psikologi (Hallinger, 2020). Halangan budaya merujuk kepada perbezaan dalam nilai, kepercayaan, dan amalan yang boleh menjejaskan pemahaman dan penerimaan mesej. Perbezaan bahasa pula boleh menjadi penghalang kepada

komunikasi yang jelas dan tepat, terutamanya dalam konteks sekolah yang pelbagai bahasa (Udin, Handayani, Yuniawan, & Rahardja, 2021). Kekangan teknologi merujuk kepada kekurangan akses kepada alat komunikasi moden atau ketidakupayaan untuk menggunakan teknologi dengan berkesan (Spillane & Diamond, 2007). Rintangan psikologi termasuk perasaan takut, kurang keyakinan diri, atau kebimbangan yang boleh menghalang pemimpin daripada berkomunikasi secara terbuka dan jujur.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan komunikasi dalam kepimpinan pendidikan serta mengenal pasti strategi berkesan dan cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidiki peranan komunikasi dalam kepimpinan pendidikan, meneroka strategi komunikasi yang berkesan dalam konteks pendidikan, mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam komunikasi dan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pemimpin pendidikan. Dengan memahami peranan, strategi, dan cabaran komunikasi dalam kepimpinan pendidikan, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan pemimpin pendidikan dalam melaksanakan tugas mereka.

Selain itu, kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk membantu pemimpin pendidikan mencapai matlamat akademik dan pentadbiran, tetapi juga untuk membentuk persekitaran pembelajaran yang inklusif, dinamik, dan berdaya saing. Melalui penerapan strategi komunikasi yang berkesan dan pengurusan cabaran komunikasi, pemimpin pendidikan dapat memperkukuhkan kepimpinan mereka dan menyokong perkembangan holistik semua pihak yang terlibat dalam proses pendidikan.

Pernyataan Masalah

Dalam era yang penuh dengan cabaran pada masa kini, sektor pendidikan telah mengalami perubahan yang signifikan disebabkan oleh perkembangan teknologi, perubahan demografi serta keperluan dan harapan masyarakat yang semakin kompleks. Pemimpin pendidikan kini menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan mereka bukan sahaja menjadi pengurus yang cekap tetapi juga menjadi pemimpin yang mampu memberi inspirasi dan membimbing komuniti sekolah ke arah yang lebih baik. Salah satu aspek yang paling kritikal dalam kepimpinan yang berkesan adalah komunikasi.

Komunikasi yang berkesan adalah nadi kepada semua aspek kepimpinan dalam pendidikan. Ia membolehkan pemimpin menyampaikan visi, misi dan nilai-nilai sekolah kepada semua pihak berkepentingan termasuk guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat setempat. Melalui komunikasi yang jelas dan berterusan, pemimpin dapat memastikan bahawa semua pihak memahami dan menyokong matlamat organisasi. Selain itu, komunikasi yang baik juga memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan hubungan positif antara pemimpin dan warga sekolah seterusnya menyumbang kepada iklim sekolah yang kondusif dan produktif.

Namun demikian, banyak pemimpin pendidikan masih menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan komunikasi yang berkesan. Salah satu cabaran utama adalah perbezaan budaya dan bahasa dalam kalangan warga sekolah. Dalam konteks pendidikan global pada masa kini, pelajar dan guru datang dari pelbagai latar belakang budaya dan bahasa. Perbezaan ini boleh menyebabkan salah faham dan kesukaran dalam komunikasi, yang seterusnya boleh menjejaskan kerjasama dan keharmonian dalam sekolah.

Selain itu, kekangan teknologi juga merupakan cabaran besar. Walaupun teknologi boleh menjadi alat yang berkuasa untuk memperbaiki komunikasi, ia juga boleh menjadi penghalang jika tidak digunakan dengan betul. Tidak semua pemimpin pendidikan mempunyai kemahiran teknologi yang mencukupi dan infrastruktur teknologi yang lemah boleh menghalang aliran komunikasi yang lancar. Misalnya, ketiadaan platform komunikasi yang bersepadu dan cekap boleh menyebabkan maklumat penting tidak sampai kepada semua pihak berkepentingan dengan cepat dan tepat.

Rintangan psikologi juga tidak boleh diabaikan. Sesetengah pemimpin mungkin merasa kurang yakin dalam berkomunikasi terutamanya apabila berhadapan dengan situasi yang memerlukan mereka menyampaikan maklumat yang sukar atau sensitif. Kebimbangan mengenai penerimaan maklumat balas negatif atau reaksi yang tidak dijangka boleh menghalang pemimpin daripada berkomunikasi secara terbuka dan telus. Ini boleh menyebabkan maklumat penting tidak disampaikan dengan berkesan seterusnya boleh menjejaskan proses membuat keputusan dan penyelesaian masalah dalam organisasi.

Kesan daripada komunikasi yang tidak berkesan boleh menjadi serius. Ia boleh membawa kepada iklim sekolah yang negatif di mana guru dan pelajar merasa tidak dihargai yang akhirnya boleh mengurangkan motivasi dan prestasi akademik pelajar serta menyebabkan guru mengalami kemurungan dan tekanan. Selain itu, komunikasi yang lemah juga boleh menghalang pengurusan perubahan yang berkesan. Apabila perubahan diperkenalkan tanpa komunikasi yang jelas dan teratur, ia boleh menyebabkan rintangan dan kekeliruan yang seterusnya boleh menggagalkan usaha untuk memperbaiki dan memajukan sekolah.

Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji dan memahami peranan komunikasi dalam kepimpinan pendidikan dengan lebih mendalam. Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi komunikasi yang berkesan dan mengenal pasti cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam usaha mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan. Dengan mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai isu-isu ini, ianya dapat mengembangkan cadangan dan amalan terbaik yang boleh membantu pemimpin pendidikan mengatasi cabaran komunikasi dan mencapai kejayaan dalam mengurus dan memimpin sekolah ke arah yang lebih baik.

Objektif Kajian

1. Menyelidiki peranan komunikasi dalam kepimpinan pendidikan.
2. Meneroka strategi komunikasi yang berkesan dalam konteks pendidikan.
3. Mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam komunikasi.
4. Mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pemimpin pendidikan.

Metodologi Kajian

Tujuan kertas konsep ini ditulis adalah untuk meneroka dan memahami peranan komunikasi kepimpinan dalam konteks pendidikan khususnya dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan sekolah. Dalam bab ini akan dibincangkan tentang prosedur yang digunakan untuk pencarian artikel yang berkaitan untuk dijadikan panduan dalam membina kertas konsep ini. Dalam mencari artikel yang berkaitan, beberapa pangkalan data utama telah

digunakan seperti **Google Scholar**, **ERIC (Education Resources Information Center)** dan **SCOPUS** yang menyediakan akses kepada jurnal akademik, buku dan sumber utama dalam pelbagai disiplin termasuk pendidikan dan kepimpinan. Melalui pangkalan data ini juga, beberapa artikel yang relevan telah ditemui dengan menggunakan kata kunci seperti "*communication leadership in education*," "*educational leadership*," "*effective communication in schools*," "*leadership and communication strategies*," dan "*school leadership and management*." Pangkalan data ini juga memberikan pelbagai sumber yang dapat menyokong kajian dan membantu dalam pembinaan kertas konsep yang komprehensif dan berasas kukuh.

Sebanyak 120 artikel telah dikenal pasti sebagai hasil daripada penyelidikan lepas melalui kata kunci yang telah dimasukkan. Namun begitu, selepas proses saringan hanya 15 artikel dipilih untuk dijadikan rujukan dalam membina kertas konsep ini. Antara ciri-ciri pemilihan artikel untuk ditekankan dalam membina kertas konsep ini adalah artikel yang dipilih adalah berkaitan secara langsung dengan topik komunikasi kepimpinan dalam pendidikan yang membincangkan aspek seperti strategi komunikasi, cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan, impak komunikasi terhadap pengurusan dan kepimpinan sekolah. Selain itu, kredibiliti sumber juga penting dimana artikel yang diterbitkan dalam jurnal akademik yang diiktiraf seperti "*Educational Leadership*" atau "*Journal of Educational Administration*" menunjukkan tahap kredibiliti yang tinggi terutama jika diindeks dalam pangkalan data terkenal seperti Scopus. Selain itu, tahun penerbitan artikel juga telah dipertimbangkan dengan pengkaji telah memilih artikel yang diterbitkan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun terakhir kerana biasanya artikel ini lebih relevan kerana mencerminkan keadaan dan cabaran semasa.

Kajian Literatur

Komunikasi kepimpinan merujuk kepada proses di mana pemimpin menggunakan kemahiran komunikasi mereka untuk mempengaruhi, memberi motivasi dan membimbing orang lain menuju pencapaian matlamat bersama. Dalam konteks pendidikan, komunikasi yang berkesan antara pemimpin, guru, pelajar dan ibu bapa adalah kritikal untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan produktif. Kertas konsep ini mengkaji teori-teori kepimpinan dan komunikasi yang relevan serta dapatan kajian lepas yang menyokong pentingnya komunikasi dalam kepimpinan pendidikan.

Teori komunikasi kepimpinan yang diperkenalkan oleh Mai dan Akerson (2003) telah menekankan peranan pemimpin dalam memberi inspirasi dan memotivasi pengikut mereka untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Pemimpin transformasi menggunakan komunikasi untuk menyampaikan visi yang jelas, menetapkan jangkaan yang tinggi dan memberikan maklum balas yang konstruktif. Mereka juga menunjukkan empati dan menyokong pembangunan peribadi dan profesional pengikut mereka. Dalam konteks pendidikan, kajian oleh (Grissom, Egalite, & Lindsay, 2021) menunjukkan bahawa kepimpinan transformasi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan prestasi akademik pelajar dan peningkatan kepuasan guru.

Teori komunikasi interpersonal pula menekankan kepentingan hubungan dua hala antara pemimpin dan pengikut. Komunikasi interpersonal yang berkesan melibatkan kemahiran mendengar aktif, keupayaan untuk memberikan dan menerima maklum balas serta kemahiran menyelesaikan konflik. A. Samad et al. (2023) dalam kajian mereka tentang kecerdasan emosi menekankan bahawa pemimpin yang mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal yang baik dapat membina hubungan yang kukuh, meningkatkan motivasi dan mengurangkan konflik

dalam organisasi. Dalam konteks pendidikan, komunikasi interpersonal yang berkesan antara pengetua dan guru dapat meningkatkan kerjasama dan komitmen terhadap matlamat sekolah.

Teori komunikasi organisasi mengkaji aliran maklumat dalam organisasi dan bagaimana ia mempengaruhi keberkesanan operasi dan pengambilan keputusan. Menurut Abuzaid et al. (2022), komunikasi yang berkesan dalam organisasi memerlukan struktur komunikasi yang jelas, saluran komunikasi yang sesuai dan budaya organisasi yang menyokong keterbukaan dan keterlibatan. Dalam konteks sekolah, kajian oleh Frick & Frick (2010) menunjukkan bahawa komunikasi organisasi yang berkesan dapat meningkatkan keterlibatan guru, keberkesanan pengajaran dan kepuasan kerja guru di sekolah.

Kajian lepas juga telah menunjukkan bahawa komunikasi kepimpinan yang berkesan mempunyai pelbagai implikasi positif dalam pendidikan. Kajian oleh Sysoeva & Shabashova (2023) mendapati bahawa kepimpinan yang berkesan, termasuk komunikasi yang baik mempunyai pengaruh terhadap peningkatan prestasi akademik pelajar. Selain itu, Laig & Aboejo (2021) dalam kajiannya tentang pengurusan perubahan menekankan bahawa komunikasi yang berterusan dan jelas adalah kunci kepada kejayaan dalam melakukan perubahan. Pemimpin yang dapat berkomunikasi dengan berkesan tentang tujuan, proses dan manfaat perubahan dapat mengurangkan rintangan dan meningkatkan penerimaan perubahan. Dapatan ini turut disokong oleh kajian oleh Mohd Nazri & Aida Hanim (2022) menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan antara pengetua dan guru dapat membina kepercayaan dan hubungan yang positif yang seterusnya menyumbang kepada iklim sekolah yang lebih baik.

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Bush (2021) mendapati bahawa komunikasi memainkan peranan utama dalam menyampaikan visi dan misi sekolah dengan jelas dalam memastikan bahawa semua pihak berkepentingan memahami dan berkongsi nilai-nilai organisasi. Tanpa komunikasi yang jelas, matlamat organisasi sukar dicapai kerana kurangnya pemahaman dan keselarasan dalam tindakan di kalangan staf dan pelajar. Hallinger & Heck (2010) turut menegaskan bahawa kepimpinan kolaboratif yang melibatkan komunikasi terbuka dan dua hala antara pemimpin dan semua pihak berkepentingan dapat meningkatkan kapasiti sekolah dan pembelajaran pelajar. Dalam kajian mereka mendapati bahawa komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan hubungan positif yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi sekolah.

Selain itu, melalui kajian yang telah dijalankan oleh Leithwood et al. (2020) menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan adalah salah satu daripada tujuh ciri utama kepimpinan sekolah yang berjaya. Melalui dapatan kajian tersebut, mereka menekankan bahawa pemimpin yang berkesan mampu menyampaikan maklumat dengan jelas, mendengar maklum balas dan bertindak balas terhadap keperluan dan kebimbangan staf dan pelajar. Dapatan ini turut disokong oleh Fullan (2015) dalam bukunya mengenai perubahan pendidikan menekankan bahawa komunikasi adalah alat utama dalam pengurusan perubahan. Pemimpin yang berjaya dalam mengurus perubahan adalah mereka yang mampu menjelaskan rasional dan faedah perubahan kepada semua pihak yang terlibat serta menangani kebimbangan dan rintangan yang timbul.

Analisis dan Perbincangan

Melalui kajian-kajian literatur lepas telah mendapati bahawa komunikasi kepimpinan yang berkesan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan dan

kepimpinan sekolah. Pemimpin pendidikan yang menggunakan strategi komunikasi yang jelas dan konsisten mampu menyampaikan visi dan misi sekolah dengan lebih berkesan kepada semua pihak berkepentingan termasuk guru, pelajar dan ibu bapa. Keberkesanan komunikasi ini bukan sahaja membina kepercayaan tetapi juga meningkatkan motivasi dan komitmen semua pihak terhadap matlamat sekolah. Hasil kajian literatur lepas juga telah menunjukkan bahawa pengetua dan guru besar yang mengamalkan komunikasi terbuka dan inklusif dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan produktif.

Walau bagaimanapun, kertas konsep ini juga turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam komunikasi kepimpinan. Halangan budaya dan bahasa masih menjadi isu besar dalam sekolah yang mempunyai populasi pelajar dan guru yang pelbagai. Perbezaan dalam norma budaya dan bahasa boleh menyebabkan salah faham dan komunikasi yang tidak berkesan. Sebagai contoh, dalam salah satu kajian kes yang telah dilakukan mendapati bahawa pengetua sekolah yang mempunyai pelajar dari pelbagai latar belakang etnik mendapati sukar untuk menyampaikan mesej yang sama kepada semua pelajar dengan cara yang mereka fahami dan terima. Oleh itu, adalah penting bagi pemimpin pendidikan untuk mengembangkan kemahiran komunikasi antara budaya dan mempelajari cara-cara untuk memahami perbezaan ini (Gurr, Drysdale, & Mulford, 2006).

Selain itu, kekangan teknologi juga merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam usaha mereka untuk meningkatkan komunikasi. Tidak semua sekolah mempunyai akses kepada teknologi yang mencukupi untuk menyokong komunikasi yang berkesan. Dalam beberapa kajian kes, guru melaporkan bahawa kekurangan akses kepada peralatan komunikasi seperti komputer dan internet menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan tepat pada masanya. Selain itu, pemimpin yang kurang mahir dalam penggunaan teknologi juga menghadapi kesukaran dalam menggunakan alat komunikasi digital yang kini menjadi semakin penting dalam pengurusan sekolah. Ini menunjukkan keperluan untuk latihan dan sokongan teknikal yang lebih baik untuk pemimpin pendidikan (Goldwyn, 2007).

Rintangan psikologi juga turut menjadi cabaran dalam mempengaruhi keberkesanan komunikasi kepimpinan. Pemimpin yang merasa tidak yakin atau tertekan dalam situasi tertentu mungkin menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan jelas dan berkesan. Melalui satu kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa seorang pengetua melaporkan bahawa dia sering merasa bimbang tentang penerimaan maklum balas negatif daripada guru-guru dan ini menghalangnya daripada memberikan arahan yang tegas dan jelas. Ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi bukan sahaja bergantung pada pengetahuan dan teknik tetapi juga pada kesejahteraan emosi dan psikologi pemimpin (Robinson, Lloyd, & Rowe, 2008).

Oleh itu, beberapa strategi untuk mengatasi cabaran-cabaran ini telah dikenal pasti dalam kajian ini. Latihan kemahiran komunikasi yang berterusan untuk pemimpin pendidikan adalah penting. Latihan ini harus merangkumi aspek mendengar aktif, memberikan maklum balas, penggunaan teknologi komunikasi dan kemahiran komunikasi antara budaya. Selain itu, pemimpin pendidikan perlu menggalakkan dialog terbuka dengan semua pihak berkepentingan dalam menjelaskan tentang sebarang isu yang berlaku di sekolah. Dalam beberapa kajian kes, kekerapan mesyuarat secara berkala dan sesi dialog dengan guru, pelajar dan ibu bapa terbukti berkesan dalam meningkatkan keterlibatan dan komitmen mereka. Pembangunan platform

komunikasi yang bersepadu juga merupakan langkah penting untuk memastikan maklumat disampaikan dengan cepat dan tepat. Secara keseluruhan, perbincangan dan analisis daripada kajian-kajian lepas telah menekankan bahawa komunikasi kepimpinan yang berkesan adalah elemen kritikal dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pemimpin pendidikan perlu mengatasi cabaran-cabaran komunikasi yang dihadapi melalui latihan kemahiran yang berterusan, penggunaan teknologi yang sesuai dan menggalakkan dialog terbuka kepada komuniti di sekolah. Dengan mengamalkan strategi komunikasi yang berkesan, pemimpin pendidikan dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan sekolah dan mencapai matlamat pendidikan yang lebih tinggi seterusnya dapat melonjakkan sesuatu kecemerlangan.

Cadangan dan Implikasi

Berdasarkan hasil kajian dan analisis yang telah dilakukan, beberapa cadangan dikemukakan untuk meningkatkan komunikasi kepimpinan dalam pendidikan. Pertama, adalah penting untuk menyediakan latihan kemahiran komunikasi yang berterusan kepada pemimpin pendidikan. Latihan ini harus merangkumi kemahiran mendengar aktif, memberikan maklum balas yang konstruktif, penggunaan teknologi komunikasi dan kemahiran komunikasi antara budaya. Melalui penerapan dan pengukuhan kemahiran-kemahiran ini, pemimpin pendidikan dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dan membina hubungan yang lebih baik dengan semua pihak berkepentingan di sekolah.

Selain itu, sekolah juga perlu mengembangkan dan mengimplementasikan platform komunikasi yang bersepadu. Penggunaan teknologi seperti aplikasi komunikasi, laman web sekolah dan media sosial boleh membantu menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada semua pihak. Pemimpin pendidikan juga perlu memastikan bahawa semua guru dan kakitangan mempunyai akses kepada teknologi ini dan mahir menggunakannya. Ini tentunya memerlukan pelaburan dalam infrastruktur teknologi serta latihan dan sokongan teknikal yang mencukupi.

Di samping itu, pemimpin pendidikan juga perlu menggalakkan budaya dialog terbuka dan keterlibatan dalam kalangan warga sekolah. Ini boleh dicapai melalui mesyuarat berkala, sesi dialog dan forum terbuka yang melibatkan guru, pelajar dan ibu bapa. Dalam sesi-sesi ini, pemimpin perlu mendengar dengan teliti pandangan dan maklum balas daripada semua pihak serta memberi tindak balas yang sesuai terhadap isu-isu yang telah timbul. Melalui aktiviti dialog terbuka diharapkan dapat membantu meningkatkan keterlibatan dan komitmen semua pihak terhadap matlamat sekolah serta membina kepercayaan dan hubungan yang positif.

Implikasi praktikal daripada cadangan-cadangan ini adalah sangat penting kerana dengan memperbaiki aspek kemahiran komunikasi pemimpin pendidikan, sekolah dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan mereka. Pemimpin yang berkomunikasi dengan jelas dan konsisten dapat menyampaikan visi dan misi sekolah dengan lebih berkesan serta meningkatkan motivasi dan komitmen guru dan pelajar. Selain itu, penggunaan teknologi komunikasi yang berkesan dapat memastikan maklumat disampaikan dengan cepat dan tepat, mengurangkan salah faham dan meningkatkan koordinasi dalam sekolah.

Seterusnya, melalui aktiviti dialog terbuka pula, keterlibatan seluruh warga dalam komuniti sekolah dapat membantu membina iklim sekolah yang positif dan inklusif. Apabila guru, pelajar dan ibu bapa merasa didengar dan dilibatkan dalam proses membuat keputusan mereka

akan lebih komited terhadap matlamat sekolah dan lebih bersemangat untuk menyumbang kepada kejayaan bersama. Ini juga dapat meningkatkan kepercayaan antara pemimpin dan warga sekolah seterusnya dapat mengurangkan konflik dan ketegangan dalam warga sekolah.

Akhirnya, pemimpin pendidikan perlu sentiasa peka terhadap perubahan dan cabaran baru dalam komunikasi kepimpinan. Ini termasuk mengikuti perkembangan teknologi baru, memahami perubahan dalam dinamik sosial dan budaya, dan bersedia untuk menyesuaikan strategi komunikasi mereka mengikut keperluan semasa. Dengan mengamalkan pendekatan yang fleksibel dan responsif, pemimpin pendidikan dapat memastikan bahawa mereka sentiasa berada di hadapan dalam usaha meningkatkan komunikasi dan kepimpinan di sekolah mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kertas konsep ini memberikan maklumat bahawa komunikasi kepimpinan yang berkesan adalah elemen penting dalam mencapai keberkesanan pengurusan dan kepimpinan dalam pendidikan. Pemimpin pendidikan yang mahir dalam kemahiran komunikasi dapat menyampaikan visi dan misi sekolah dengan jelas, meningkatkan motivasi dan komitmen guru serta pelajar, dan membina hubungan yang positif dengan semua pihak. Kertas konsep ini juga telah mengenal pasti cabaran utama dalam komunikasi kepimpinan, termasuk halangan budaya dan bahasa, kekangan teknologi dan rintangan psikologi. Oleh itu, adalah penting untuk pemimpin pendidikan mengatasi cabaran-cabaran ini melalui latihan kemahiran komunikasi yang berterusan dan penggunaan teknologi komunikasi yang sesuai dalam mendepani cabaran-cabaran ini di sekolah pada masa kini.

Selain itu, pemimpin pendidikan perlu sentiasa peka terhadap perubahan dan cabaran baru dalam komunikasi kepimpinan serta bersedia untuk menyesuaikan strategi komunikasi mereka mengikut keperluan semasa. Dengan mengamalkan pendekatan yang fleksibel dan responsif, pemimpin pendidikan dapat memastikan bahawa mereka sentiasa berada di hadapan dalam usaha meningkatkan komunikasi dan kepimpinan di sekolah mereka. Secara keseluruhannya, komunikasi kepimpinan yang berkesan adalah kunci kepada kejayaan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan dan usaha berterusan untuk memperbaiki aspek ini akan membawa kepada pencapaian matlamat pendidikan yang lebih tinggi dan berkekalan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia, yang telah menyokong serta membiayai kos penerbitan untuk penulisan kertas konsep ini.

Rujukan

- A.Samad, M. Y., Fauzi, F., Marhamah, M., & Rahmani, S. U. (2023). Interpersonal Communication and Situational Leadership on Teacher Performance. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 21(1).
- Abuzaid, A. N., Al-Haraisa, Y. E., & Alateeq, M. M. (2022). Relationship Between Conflict Management and Employees Commitment: The Mediating Role of Work Motivations. *Corporate Governance and Organizational Behavior Review*, 6(3).
- Bush, T. (2021). *Theories of Educational Leadership and Management* (5th ed). Sage Publications.

- Frick, J. E., & Frick, W. C. (2010). An ethic of connectedness: Enacting moral school leadership through people and programs. *Education, Citizenship and Social Justice*, 5(2).
- Fullan, M. (2015). *The New Meaning of Educational Change* (5th Edition). Teachers College Press.
- Goldwyn, S. (2007). School Leadership that Works: From Research to Results. *Journal of Educational Administration*, Vol. 45.
- Grissom, J. A., Egalite, A. J., & Lindsay, C. A. (2021). How Principals Affect Students and Schools. *Wallace Foundation*, (February).
- Gurr, D., Drysdale, L., & Mulford, B. (2006). Models of successful principal leadership. *School Leadership and Management*, 26(4).
- Hallinger, P. (2020). Principal Instructional Leadership: From Perception to Theory to Practice. In *The Wiley Handbook of Teaching and Learning* (Vol. 21).
- Hallinger, P., & Heck, R. H. (2010). Collaborative leadership and school improvement: Understanding the impact on school capacity and student learning. *School Leadership and Management*, 30(2).
- Kasprzhak, A., Kobtseva, A., & Tsatrian, M. (2022). Instructional Leadership Models in Modern Schools. *Education and Self Development*, 99(2).
- Kesumawati, A. B. (2020). Gaya Komunikasi Kepimpinan Pentadbir Akademik: Satu Kajian Gender dan Wacana. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 21(1).
- Laig, R. B. D., & Abocejo, F. T. (2021). Kotter's 8-Step Change Model. *Journal of Management, Economics, and Industrial Organization*.
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2020). Seven strong claims about successful school leadership revisited. *School Leadership and Management*, 40(1).
- Mohd Nazri, M. Y., & Aida Hanim, A. H. (2022). Amalan Gaya Komunikasi Pengetua Dan Hubungannya Terhadap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Daerah Kinabatangan Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 334–348.
- Qusayla, Yan Piaw, C., & Sumintono, B. (2021). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Empat Sekolah Fokus di Daerah Sandakan, Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3).
- Robinson, V. M. J., Lloyd, C. A., & Rowe, K. J. (2008). The impact of leadership on student outcomes: An analysis of the differential effects of leadership types. *Educational Administration Quarterly*, 44(5), 635–674.
- Spillane, J. P., & Diamond, J. B. (2007). A Distributed Perspective on and In Practice. In *Distributed Leadership in Practice*.
- Sysoeva, M., & Shabashova, E. (2023). Teaching English at The Masters Degree Course "Leadership and Communication in Science Industry and Education." *Journal of Teaching English for Specific and Academic Purposes*, 11(2).
- Udin, U., Handayani, S., Yuniawan, A., & Rahardja, E. (2020). Leadership styles and communication skills at Indonesian higher education: Patterns, influences, and applications for organization. *Organizations and Markets in Emerging Economies*, 10 (1).